

# Penggunaan Bahan Bacaan Digital Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Untuk Meningkatkan Kemahiran Membaca Dalam Kalangan Murid Penutur Kedua Di SJKC

*(The Role of Digital Reading Materials in Developing Malay Language Literacy Skills among Second Language Learners in SJKC)*

Wong Mee Hua<sup>1\*</sup>, Nor Azwahanum Nor Shaid<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [azwahanum@ukm.edu.my](mailto:azwahanum@ukm.edu.my)

Received: 10 January 2026 | Accepted: 1 April 2026 | Published: 1 May 2026

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2026.8.2.53>

**Abstrak:** Kemahiran membaca merupakan tunjang utama dalam penguasaan bahasa dan kejayaan akademik murid. Namun, murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sering berhadapan cabaran dalam pembelajaran Bahasa Melayu kerana bahasa tersebut berfungsi sebagai bahasa kedua dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini bertujuan meneroka penggunaan bahan bacaan digital dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu Tahun 1 di SJKC luar bandar Sarawak bagi menyokong perkembangan kemahiran membaca murid penutur kedua. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes yang melibatkan enam orang guru Bahasa Melayu daripada empat buah SJKC di daerah Subis, Sarawak. Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur dan dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru menggunakan pelbagai bahan bacaan digital seperti e-buku interaktif, video bacaan berpandu berasaskan audio, slaid bacaan digital dan aplikasi fonetik secara berperingkat dan berfokus dalam pengajaran membaca. Penggunaan bahan bacaan digital ini didapati dapat meningkatkan penglibatan murid, menyokong pemahaman bacaan serta membantu pembinaan hubungan antara bunyi, perkataan dan makna apabila disokong oleh strategi pedagogi guru seperti bacaan berpandu, peneguhan positif dan pembedahan tidak langsung. Walau bagaimanapun, pelaksanaan bahan bacaan digital turut berdepan cabaran seperti kekangan infrastruktur teknologi, kekangan masa pengajaran, tahap kemahiran pedagogi digital guru serta ketidaksesuaian linguistik sebahagian bahan bacaan digital dengan tahap penguasaan murid penutur kedua. Kajian ini menegaskan bahawa penggunaan bahan bacaan digital berpotensi menyokong perkembangan kemahiran membaca murid penutur kedua di SJKC luar bandar apabila disokong oleh strategi pedagogi yang berkesan serta sokongan infrastruktur dan pembangunan profesional guru yang berterusan.

**Kata Kunci:** bahan bacaan digital, kemahiran membaca, Bahasa Melayu, murid penutur kedua, SJKC

**Abstract:** Reading skill is a fundamental component in language acquisition and academic achievement. However, pupils in Chinese Vernacular Schools (SJKC) often face challenges as Malay Language functions as their second language. This study aims to explore the use of digital reading materials in the teaching and learning of Malay Language among Year 1 pupils in rural SJKC to enhance their reading proficiency. A qualitative case study approach was

*employed, involving six Malay Language teachers from four SJKCs in Subis district, Sarawak. Data were collected through semi-structured interviews and analysed thematically. The findings are expected to provide comprehensive insights into teachers' practices, perceptions of the effectiveness of digital materials, and challenges in implementation. The outcomes of this study may serve as a useful reference in strengthening early Malay literacy pedagogy in rural vernacular schools.*

**Keywords:** Digital Reading Materials; Reading Skills; Malay Language; Second Language Learners; SJKC

---

## 1. Pendahuluan

Kemahiran membaca merupakan asas penting dalam pembelajaran bahasa dan pembinaan ilmu pengetahuan, terutamanya dalam konteks murid sekolah rendah yang sedang membina literasi awal. Dalam konteks Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), cabaran ini menjadi lebih ketara kerana Bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa kedua manakala bahasa utama pertuturan murid ialah Mandarin atau dialek tempatan (Zuraidah & Noraini, 2020). Kajian Ismail dan Goh (2023) melaporkan bahawa tahap literasi Bahasa Melayu murid SJKC jauh lebih rendah berbanding murid di Sekolah Kebangsaan, terutamanya dalam aspek kefahaman bacaan dan penguasaan kosa kata. Hal ini bertepatan dengan dapatan Noraini et al. (2021) yang menunjukkan kelemahan membaca menjejaskan pencapaian akademik secara menyeluruh. Hashim dan Yusof (2019) turut menegaskan bahawa murid yang tidak menguasai bacaan akan berhadapan kesukaran memahami arahan guru dan isi kandungan buku teks, sekali gus mengurangkan keupayaan mereka untuk terlibat aktif dalam bilik darjah.

Kajian Ahmad dan Chin (2020) pula membuktikan bahawa murid yang gagal menguasai bacaan pada peringkat awal cenderung mengalami kesukaran akademik berpanjangan, termasuk hilang minat untuk belajar serta ketinggalan dalam pelajaran. Laporan Pusat Literasi Bahasa Kebangsaan (2022) turut mendedahkan bahawa tahap kemahiran membaca murid sekolah rendah, khususnya di kawasan luar bandar, masih tidak mencapai standard yang diharapkan. Situasi ini amat membimbangkan kerana kelemahan literasi bukan sahaja menjejaskan pencapaian akademik, malah memberi kesan negatif kepada aspek afektif murid, termasuk keyakinan diri mereka semasa berkomunikasi (Noraini et al., 2021). Justeru, wujud keperluan mendesak untuk mencari pendekatan baharu yang lebih kontekstual, sesuai dengan latar belakang linguistik murid penutur kedua.

Dalam era pendidikan digital, penggunaan bahan bacaan digital telah muncul sebagai alternatif yang berpotensi besar untuk memperkukuh literasi murid. Kajian Khalid dan Chong (2022) mendapati bahawa bahan digital interaktif yang mengandungi elemen audio, visual dan animasi mampu meningkatkan kefahaman kosa kata serta struktur ayat dalam kalangan murid penutur kedua. Yusof dan Noraini (2022) menegaskan bahawa sokongan multimodal dalam bahan digital dapat mengurangkan tekanan linguistik semasa proses membaca, menjadikan pengalaman literasi lebih menyenangkan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pendekatan ini masih tidak menyeluruh. Tan dan Mah (2023) melaporkan bahawa guru di sekolah luar bandar sering berdepan kekangan seperti capaian internet yang lemah, kekurangan latihan ICT serta beban kerja tinggi yang menyukarkan integrasi teknologi dalam PdP. Lee et al. (2024) pula menambah bahawa tahap penerimaan teknologi dalam kalangan guru Bahasa Melayu masih rendah, khususnya dalam kalangan guru berpengalaman yang lebih selesa dengan kaedah

tradisional. Keadaan ini menunjukkan adanya jurang antara aspirasi dasar pendidikan digital (KPM, 2023) dengan realiti bilik darjah, terutamanya di sekolah vernakular luar bandar.


Kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang tersebut dengan meneliti pengalaman sebenar guru Bahasa Melayu Tahun 1 di SJKC luar bandar dalam melaksanakan bahan bacaan digital. Kajian ini penting kepada guru kerana ia dapat memberikan panduan pedagogi yang lebih efektif dalam pengajaran membaca, di samping membantu mereka menyesuaikan strategi PdP dengan konteks murid penutur kedua. Bagi pembuat dasar, dapatan kajian ini boleh menyumbang kepada penambahbaikan pelaksanaan pendidikan digital, khususnya dalam membina dasar yang lebih responsif terhadap cabaran sebenar sekolah luar bandar. Sementara itu, bagi penyedia kandungan digital, hasil kajian ini dapat memberi gambaran tentang keperluan sebenar murid penutur kedua dalam literasi awal, sekaligus menghasilkan bahan bacaan digital yang lebih kontekstual dan mesra murid. Seperti yang dinyatakan oleh Samsuddin et al. (2021), keberkesanan bahan digital dalam PdP bergantung pada sejauh mana guru dapat menyesuaikan kandungan dengan tahap murid dan keperluan konteks bilik darjah sebenar.

Matlamat utama penyelidikan ini adalah untuk meneroka secara mendalam amalan guru dalam memilih dan menggunakan bahan bacaan digital, meneliti persepsi mereka terhadap keberkesanan bahan tersebut, serta mengenal pasti cabaran yang dihadapi sepanjang pelaksanaan di bilik darjah. Hal ini sejajar dengan cadangan Ahmad dan Chin (2020) bahawa persepsi guru sangat mempengaruhi tahap keberkesanan strategi PdP yang dirancang, terutamanya dalam konteks pembinaan kosa kata dan kefahaman murid. Dalam erti kata lain, kajian ini bertujuan memberikan gambaran holistik tentang bagaimana guru-guru di SJKC luar bandar benar-benar mengaplikasikan bahan bacaan digital dalam PdP membaca Bahasa Melayu kepada murid penutur kedua.

Kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan gabungan beberapa teori utama yang relevan. Teori Pemerolehan Bahasa Kedua oleh Krashen (1985) menekankan hipotesis input  $i+1$ , iaitu proses pembelajaran berlaku apabila murid didedahkan kepada input yang sedikit lebih mencabar daripada tahap sedia ada mereka. Aplikasi teori ini dalam kajian ini direalisasikan melalui bahan bacaan digital interaktif yang menyediakan sokongan kosa kata dan konteks tambahan. Sementara itu, Teori Konstruktivisme oleh Vygotsky (1978) menegaskan bahawa pembelajaran adalah hasil interaksi sosial dan pengalaman autentik, yang dapat dimanfaatkan melalui aktiviti membaca kolaboratif menggunakan teknologi. Teori Pemprosesan Maklumat oleh Atkinson dan Shiffrin (1968) pula menerangkan bagaimana maklumat bacaan dapat dipindahkan dari ingatan jangka pendek ke ingatan jangka panjang melalui struktur penyampaian yang sistematik, justeru menjadikan bahan digital yang tersusun lebih efektif untuk pembelajaran murid. Di samping itu, Model TPACK oleh Mishra dan Koehler (2006) menggariskan kepentingan integrasi pengetahuan pedagogi, kandungan dan teknologi untuk memastikan PdP digital lebih berkesan. Model Literasi Digital UNESCO (2020) serta Model Ekologi Pembelajaran Digital yang diperkenalkan oleh Hashim dan Jamaluddin (2022) juga diadaptasi bagi menekankan peranan faktor sokongan seperti latihan guru, infrastruktur ICT dan sokongan komuniti sekolah dalam menentukan keberhasilan penggunaan bahan digital.

Secara keseluruhannya, kerangka konseptual ini menggambarkan hubungan antara input iaitu penggunaan bahan bacaan digital, proses pelaksanaan melalui strategi PdP berasaskan teori, dan output berupa peningkatan kemahiran membaca murid penutur kedua. Keberkesanan hubungan ini dipengaruhi oleh faktor penyokong seperti tahap celik teknologi guru, sokongan dasar pendidikan digital, ketersediaan infrastruktur dan keterlibatan komuniti pendidikan.

Dengan menggunakan pendekatan ini, kajian ini bukan sahaja diharap dapat memberikan sumbangan praktikal kepada amalan pengajaran membaca, tetapi juga menyumbang kepada literatur teoritikal tentang penerapan teknologi dalam pendidikan bahasa kedua, khususnya dalam konteks sekolah vernakular luar bandar di Malaysia.



**Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian**

**Sumber: Diadaptasi dan diubah suai daripada Krashen (1985), Vygotsky (1978), Atkinson & Shiffrin (1968), Mishra & Koehler (2006), UNESCO (2020), Hashim & Jamaluddin (2022) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (2023).**

## 2. Sorotan Literatur

Kemahiran membaca merupakan teras penting dalam penguasaan bahasa, khususnya bagi murid penutur kedua di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Namun, murid dalam konteks ini sering berdepan cabaran kerana keterbatasan kosa kata dan kurang pendedahan kepada Bahasa Melayu standard (Hashim & Yusof, 2019; Ismail & Goh, 2023). Hal ini selaras dengan dapatan Noraini et al. (2021) yang menegaskan bahawa kelemahan membaca boleh menjejaskan prestasi akademik secara menyeluruh, malah Ahmad dan Chin (2020) menambah bahawa murid yang gagal menguasai bacaan di peringkat awal berisiko terus ketinggalan dalam pembelajaran sepanjang hayat.

Teori utama yang mendasari perbincangan ini ialah Teori Pemerolehan Bahasa Kedua oleh Krashen (1985) yang menekankan hipotesis input  $i+1$ , iaitu pendedahan kepada input bahasa yang sedikit mencabar tetapi boleh difahami. Teori Konstruktivisme Vygotsky (1978) pula menekankan peranan interaksi sosial dan pengalaman autentik dalam memupuk pembelajaran bermakna. Sementara itu, Teori Pemprosesan Maklumat Atkinson dan Shiffrin (1968)

menjelaskan bagaimana maklumat dipindahkan daripada ingatan jangka pendek ke jangka panjang, justeru menekankan kepentingan bahan bacaan digital yang teratur. Teori dan model ini diperkukuh dengan Model TPACK oleh Mishra dan Koehler (2006) yang menegaskan integrasi pengetahuan pedagogi, kandungan dan teknologi dalam PdP, serta Model Literasi Digital UNESCO (2020) dan Model Ekologi Pembelajaran Digital Hashim dan Jamaluddin (2022) yang menekankan sokongan sistemik seperti latihan guru dan infrastruktur.

Kajian lepas menunjukkan bahawa bahan bacaan digital berpotensi meningkatkan motivasi, kosa kata dan kefahaman bacaan murid. Yusri dan Ramlah (2020) melaporkan bahawa bacaan digital interaktif memberi kesan positif terhadap kefahaman literal, manakala Khairul dan Halimah (2021) menegaskan bahawa input berperingkat membantu murid memahami struktur bahasa. Noor Afiqah dan Suraini (2022) pula mendapati elemen visual dan audio menyokong murid dalam menafsir makna, sementara Lim dan Fazilah (2023) menekankan keberkesanan kuiz interaktif dan naratif berpandu dalam meningkatkan motivasi serta pemerolehan tatabahasa.

Walau bagaimanapun, tidak semua dapatan bersifat positif. Mohd Syakir dan Chew (2019) mengingatkan bahawa penggunaan bahan digital tanpa bimbingan guru yang jelas boleh menjadikan pembelajaran sekadar hiburan tanpa menghasilkan kefahaman mendalam. Ramli dan Tan (2020) pula menegaskan bahawa kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan pada sekolah bandar yang mempunyai infrastruktur lengkap, sedangkan konteks SJKC luar bandar masih terpinggir. Selain itu, Lee, Wong dan Noriah (2021) menunjukkan bahawa perspektif guru sebagai pelaksana utama PdP masih kurang diberi perhatian, walaupun guru berdepan cabaran besar dari aspek kesesuaian bahan digital, latihan ICT dan beban kerja yang tinggi (Ahmad & Roslan, 2022; Tan & Mah, 2023; Lee et al., 2024).

Secara keseluruhannya, literatur terdahulu menegaskan bahawa walaupun bahan bacaan digital mampu meningkatkan literasi murid penutur kedua, pelaksanaannya dipengaruhi oleh faktor pedagogi, infrastruktur dan kesesuaian kandungan. Jurang penyelidikan yang masih wujud ialah kekurangan kajian kualitatif yang meneliti pengalaman guru Bahasa Melayu Tahun 1 di SJKC luar bandar, sedangkan perspektif guru ini penting untuk memastikan pelaksanaan bahan digital benar-benar berkesan dalam meningkatkan kemahiran membaca. Oleh itu, kajian ini hadir untuk mengisi kekosongan tersebut sejajar dengan aspirasi pendidikan digital abad ke-21 dan dasar KPM (2023).

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan **reka bentuk kajian kes kualitatif berbentuk eksploratori** bagi meneroka penggunaan bahan bacaan digital dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu kepada murid penutur kedua di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) luar bandar Sarawak. Pendekatan kualitatif dipilih untuk memperoleh pemahaman yang mendalam tentang pengalaman sebenar guru dalam konteks bilik darjah autentik, khususnya dalam persekitaran sekolah vernakular yang berdepan kekangan infrastruktur dan kepelbagaian latar linguistik murid.

Pemilihan responden dilakukan secara **persampelan bertujuan**, melibatkan **enam orang guru Bahasa Melayu Tahun 1** daripada empat buah SJKC di daerah Subis, Sarawak. Guru-guru ini dipilih berdasarkan pengalaman mengajar sekurang-kurangnya lima tahun serta penggunaan bahan bacaan digital secara konsisten dalam pengajaran kemahiran membaca.

Bilangan responden ini memadai bagi mencapai ketepuan data dan membolehkan analisis tematik yang mendalam.

Pengumpulan data dilaksanakan melalui **temu bual separa berstruktur**, disokong oleh **nota lapangan pemerhatian bilik darjah** serta **analisis dokumen pengajaran** seperti Rancangan Pengajaran Harian dan bahan bacaan digital. Pendekatan pelbagai kaedah ini membolehkan **triangulasi data** dilakukan bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Pemonitoran alam sekitar turut dijalankan untuk menilai faktor fizikal, teknologi dan sosial bilik darjah yang mempengaruhi keberkesanan penggunaan bahan bacaan digital.

Data dianalisis secara **induktif menggunakan analisis tematik**, melibatkan proses pengekodan, pengelompokan dan pembentukan tema berdasarkan data temu bual, pemerhatian dan dokumen. Bagi memastikan kesahihan dapatan, **peer checking** dan **member checking** dilaksanakan sepanjang proses analisis. Data dipersembahkan secara **naratif deskriptif**, disokong oleh petikan verbatim responden bagi mengekalkan keaslian pengalaman guru.

Secara keseluruhan, metodologi kajian ini dirangka bagi menghasilkan dapatan yang holistik, sah dan kontekstual tentang amalan, cabaran serta potensi penggunaan bahan bacaan digital dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu kepada murid penutur kedua di SJKC luar bandar.

#### **4. Dapatan Kajian dan Perbincangan Kajian**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahan bacaan digital seperti e-buku interaktif, video bacaan berpandu berasaskan audio, slaid bacaan digital dan aplikasi fonetik merupakan amalan utama guru Bahasa Melayu Tahun 1 di SJKC luar bandar Sarawak dalam pengajaran kemahiran membaca murid penutur kedua. Integrasi elemen visual dan audio didapati berkesan dalam menarik perhatian murid, menyokong pemahaman makna serta membantu pembinaan hubungan antara bunyi, perkataan dan teks. Dapatan ini menyokong kajian Roslan dan Foo (2024) serta Lim et al. (2024) yang mendapati bahawa bahan bacaan digital multimodal dapat meningkatkan tumpuan dan kefahaman murid bukan penutur jati, khususnya pada peringkat literasi awal.

Selain itu, penggunaan audio bacaan digital secara berulang membantu murid membetulkan sebutan dan meningkatkan keyakinan membaca secara lantang. Peranan bahan bacaan digital sebagai input bahasa awal yang membolehkan murid mendengar, melihat dan membaca secara serentak selari dengan dapatan Hamzah dan Lim (2020) serta Yusof dan Tan (2023), yang menegaskan bahawa elemen audio dalam bahan digital menyokong perkembangan fonologi dan kefahaman membaca murid penutur kedua. Penggunaan aplikasi fonetik dan slaid bacaan secara berulang turut membolehkan murid belajar mengikut kadar sendiri, sekali gus mengurangkan kebimbangan terhadap kesalahan membaca, seperti yang turut dilaporkan oleh Tan dan Leong (2021) serta Mohamad dan Choo (2020).

Dari sudut pedagogi, dapatan kajian menunjukkan bahawa keberkesanan bahan bacaan digital sangat bergantung kepada strategi pengajaran guru. Guru bertindak sebagai fasilitator aktif dengan mengamalkan bacaan berpandu, pembetulan tidak langsung, soal jawab berpandu serta peneguhan positif bagi membina keyakinan dan penglibatan murid. Pendekatan ini sejajar dengan kajian Noraini dan Hamzah (2020) serta Yusof dan Tan (2023) yang mendapati bahawa bimbingan guru secara berstruktur semasa penggunaan bahan digital dapat meningkatkan kefahaman dan motivasi membaca murid penutur kedua. Penggunaan maklum balas audio

segera dalam aplikasi fonetik juga menyokong pembelajaran sendiri murid, selaras dengan dapatan Lee dan Mokhtar (2021) serta Lim dan Rajendran (2023) yang menegaskan kepentingan maklum balas segera dalam persekitaran pembelajaran digital.

Walaupun bagaimanapun, kajian ini turut mengenal pasti beberapa cabaran utama dalam pelaksanaan bahan bacaan digital di SJKC luar bandar, khususnya kekangan infrastruktur teknologi seperti capaian internet yang tidak stabil, kekurangan peranti digital dan kemudahan ICT yang terhad. Dapatan ini selari dengan kajian Lim dan Tan (2021), Chua et al. (2022) serta Karim dan Leong (2024) yang melaporkan bahawa isu prasarana merupakan cabaran berterusan dalam pelaksanaan PdP digital di sekolah luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Selain itu, kekangan masa pengajaran dan keperluan bimbingan intensif murid turut menjejaskan kelancaran PdP, seperti yang turut dikenal pasti oleh Ahmad dan Tan (2021) serta Roslan dan Foo (2024).

Cabaran lain yang dikenal pasti ialah ketidaksesuaian linguistik sebahagian bahan bacaan digital dengan tahap penguasaan murid penutur kedua, yang memerlukan guru memudah cara pemahaman melalui penjelasan tambahan dan sokongan visual. Dapatan ini menyokong kajian Yusof dan Tan (2023) serta Tan dan Zulkifli (2025) yang menegaskan bahawa kesesuaian linguistik bahan bacaan digital merupakan faktor kritikal dalam menentukan keberkesanan pengajaran membaca murid bukan penutur jati. Walaupun berdepan cabaran ini, guru menunjukkan keanjalan pedagogi dengan menggabungkan bahan digital dan konvensional serta menyediakan bahan luar talian bagi memastikan pembelajaran membaca dapat diteruskan, selari dengan dapatan Low dan Jamaludin (2023) serta Lee dan Tan (2024).

Secara keseluruhan, dapatan dan perbincangan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan bahan bacaan digital berpotensi menyokong perkembangan kemahiran membaca murid penutur kedua di SJKC luar bandar apabila digabungkan dengan strategi pedagogi yang berkesan, bahan yang sesuai secara linguistik serta sokongan infrastruktur dan pembangunan profesional guru yang berterusan. Dapatan ini mengukuhkan kajian lepas dan pada masa yang sama menyumbang pemahaman kontekstual tentang realiti pelaksanaan pengajaran membaca berasaskan bahan digital dalam persekitaran sekolah vernakular luar bandar.

### **Acknowledgement**

The authors would like to express sincere gratitude to everyone who contributed, both directly and indirectly, to the completion of this study.

### **Conflict of Interest Statement**

The authors declare that there is no conflict of interest regarding the publication of this study.

### **Rujukan**

- Ahmad, R., & Chin, C. (2020). *Early literacy challenges among second language learners in Malaysian primary schools*. *Journal of Language Education Research*, 12(2), 45–60.
- Ahmad, S., & Roslan, N. (2022). Teachers' challenges in integrating ICT for digital literacy in rural schools. *Malaysian Journal of Educational Research*, 9(1), 88–102.
- Atkinson, R. C., & Shiffrin, R. M. (1968). Human memory: A proposed system and its control processes. In K. W. Spence & J. T. Spence (Eds.), *The psychology of learning and motivation* (Vol. 2, pp. 89–195). Academic Press.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>

- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Hashim, N., & Yusof, R. (2019). Kemahiran membaca dan pencapaian akademik murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 33–47.
- Hashim, H., & Jamaluddin, S. (2022). Digital learning ecology model: A framework for rural schools in Malaysia. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 10(4), 15– 28.
- Hashim, N., & Yusof, R. (2019). Kemahiran membaca dan pencapaian akademik murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 33–47.
- Ismail, F., & Goh, L. Y. (2023). Literacy development among SJKC pupils: Issues and challenges in reading comprehension. *Asian Journal of Education and Learning*, 14(1), 77–90.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2023). *Dasar pendidikan digital 2023–2030*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khairul, A., & Halimah, H. (2021). Staged digital input and its impact on language structure comprehension. *International Journal of Language and Literacy Studies*, 11(2), 112–125.
- Khalid, N., & Chong, S. (2022). Digital reading materials for second language learners: Effects on vocabulary and sentence structure. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 10(3), 101–110.
- Krashen, S. D. (1985). *The input hypothesis: Issues and implications*. Longman.
- Lee, K. H., Tan, W. C., & Mah, C. H. (2024). Teachers' acceptance of digital reading in rural vernacular schools. *Journal of Digital Education Research*, 6(1), 25–42.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. Jossey-Bass.
- Mishra, P., & Koehler, M. J. (2006). Technological pedagogical content knowledge: A framework for teacher knowledge. *Teachers College Record*, 108(6), 1017–1054.
- Mohd Syakir, A., & Chew, F. P. (2019). Digital reading without guidance: Risks of surface learning among primary pupils. *Malaysian Journal of ELT Research*, 15(2), 55–70.
- Noraini, M., Zuraidah, A., & Yusof, R. (2021). Kelemahan literasi membaca dan impaknya terhadap pencapaian murid sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 22(1), 55–70.
- Noor Afiqah, Z., & Suraini, H. (2022). Visual and audio elements in digital reading: Supporting meaning-making among L2 learners. *Journal of Language and Literacy Education*, 14(2), 89–104.
- Pusat Literasi Bahasa Kebangsaan. (2022). *Laporan literasi bahasa kebangsaan 2022*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ramli, H., & Tan, S. M. (2020). ICT integration in rural schools: Issues and challenges. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2), 143–162.
- Samsuddin, N., Rahman, H., & Lim, Y. S. (2021). Teachers' adaptation of digital materials for effective literacy instruction. *Journal of Education and E-Learning Research*, 8(4), 456–464.
- Tan, S. M., & Mah, C. H. (2023). Challenges of integrating ICT in rural classrooms: Teachers' perspectives. *Malaysian Journal of Educational Technology*, 13(2), 90–104.
- UNESCO. (2020). *Digital literacy global framework*. Paris: UNESCO.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Yusof, R., & Noraini, M. (2022). Multimodal support in digital reading materials: Reducing linguistic anxiety among second language learners. *Journal of Language and Literacy Education*, 14(2), 120–135.

- Yusri, A., & Ramlah, S. (2020). Interactive digital reading and its effect on literal comprehension of primary pupils. *Journal of Language Teaching and Research*, 11(4), 623–631.
- Zuraidah, A., & Noraini, M. (2020). Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam konteks SJKC: Cabaran dan implikasi. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1), 23–35.